

# MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

2 JAM 30 MINIT

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

## ARAHAN :

1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
3. Jawab semua soalan.
4. Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
6. Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

NO. KAD PENGENALAN

						-				-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	---	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

## BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1** *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata majmuk. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata majmuk tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Bidang keusahawanan dapat mendidik remaja agar menggalas tanggungjawab untuk membangunkan modal insan, lebih kreatif dan sentiasa berpemikiran kritis untuk mencapai kata putus sewaktu mengambil sebarang tindakan dengan berpandukan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Remaja yang menuntut di menara gading tentunya memiliki beraneka kemahiran seperti kemahiran asas urus niaga, pentadbiran, pemasaran dan komunikasi. Kemahiran ini dapat membantu usahawan muda untuk mengembangkan perniagaan mereka sehingga peringkat antarabangsa.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Ayuh, Jadilah Usahawan!’  
 oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim,  
*Dewan Siswa, Bil.7/2019*

[8 markah]

- 2** *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukar ayat pasif yang bergaris dalam petikan ini kepada ayat aktif.*


Tidak dapat kita nafikan bahawa remaja merupakan golongan yang paling mudah menguasai aliran teknologi seperti aplikasi TikTok. Banyak yang dapat kita pelajari daripada komuniti remaja pada hari ini dan banyak juga perkara yang perlu diajarkan kepada mereka. Kini, aplikasi TikTok turut dimanfaatkan oleh ahli akademik, pengamal perubatan dan pempengaruh untuk menyampaikan maklumat yang berguna. Budaya membaca sesungguhnya telah beralih kepada budaya menonton. Perubahan mendadak ini tentu tidak kita bayangkan sedekad yang lalu.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Aplikasi TikTok Pilihan Remaja Kini’  
 oleh Nor Anira Haris,  
*Dewan Siswa, Bil.3/2023*

[6 markah]

- 3 Bahan-bahan di bawah mempunyai pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

**Bahan 1**



[5 markah]

**Bahan 2**

Kementerian Kesihatan Malaysia telah memperkenalkan Piramid Makanan Malaysia 2020, yang merupakan semakan semula kepada Piramid Makanan 2010. Antara perubahan-perubahan besar dalam Piramid Makanan Malaysia 2020 adalah perubahan aras dalam dua kelas makanan, iaitu:

- Sayur-sayuran dan buah-buahan diletakkan pada dasar piramid, berbanding dengan Piramid Makanan Malaysia 2010 yang meletakkan makanan seperti nasi, mee, roti, bijirin, produk bijirin dan ubi-ubian. Perubahan ini berlaku atas kesedaran bahawa buah-buahan dan sayur-sayuran merupakan sumber vitamin dan mineral yang penting untuk meningkatkan keupayaan badan menghalau penyakit.
- Piramid Makanan Malaysia 2020 ini juga menekankan tentang saranan pengambilan sumber makanan berserat tinggi seperti beras perang, roti bijirin penuh, oat dan jagung.

Penggunaan Piramid Makanan Malaysia 2020 ini berharap dapat membantu rakyat Malaysia mengamalkan pemakanan sihat pada setiap hari bagi memastikan kesihatan kita sentiasa terjaga dan terhindar daripada jangkitan penyakit, di samping mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit seperti obesiti, diabetis dah hipertensi.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Bahagian Pemakanan  
*Kementerian Kesihatan Malaysia*  
28 Januari 2020

[6 markah]

- 4 Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita.”

Dipetik daripada  
‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan mana-mana tiga peribahasa, kemudian berikan maksud peribahasa tersebut.

Perkenalan di alam siber membungakan cinta dalam masa yang singkat lalu mangsa terjebak dalam cinta jarak jauh. Akibat lemas dalam ayat cinta dan janji manis yang tidak berkesudahan dan mempesonakan, mangsa tidak ragu-ragu untuk berkorban wang ringgit dan harta benda seperti lilin membakar diri untuk menerangi orang lain asalkan orang yang disayangi dapat keluar daripada masalah yang direka. Sudah jatuh ditimpa tangga, mangsa bukan sahaja akan mengalami kerugian yang besar malah perkara ini akan menjadi kenangan pahit seumur hidup mereka akibat ditipu oleh penyangak siber ini. Oleh itu, berhati-hatilah agar jangan yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran akibat terlalu mudah meletakkan kepercayaan kepada orang yang baru dikenali.

[6 markah]

## BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6** *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

### Bahan 1

Amalan gaya hidup sihat adalah penting untuk mengelakkan pelbagai masalah kesihatan. Kajian Kesihatan dan Morbiditi 2019 Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati 50.1 peratus rakyat negara ini mempunyai berat badan berlebihan atau obesiti. Obesiti menyumbang kepada pelbagai penyakit yang boleh membawa maut seperti serangan jantung, strok dan kanser. Kurangnya kesedaran tentang gaya hidup sihat ini boleh meningkatkan risiko kematian. Dari aspek pengambilan diet seimbang, 94.9 peratus rakyat tidak makan sayur dan buah secukupnya, sekali gus semua data ini memberikan gambaran bahawa kempen kesihatan yang dilaksanakan KKM belum *mencapai impak signifikan*.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Teruskan Amalan Jaga Kesihatan, Kebersihan’  
 oleh Aini Faezah Ramlan  
*bhrencana@bh.com.my*

### Bahan 2

Riadah ialah satu bentuk aktiviti fizikal yang dilakukan dalam jangka masa tertentu secara berulang kali bertujuan untuk meningkatkan tahap kecerdasan dan kesihatan. Kita boleh mengelakkan penyakit, mengekalkan stamina, mendapatkan tubuh badan yang sihat dan melepaskan tekanan yang dihadapi. Seseorang yang kurang kesedaran tentang amalan gaya hidup sihat akan mengalami masalah kesihatan mental disebabkan perasaan bimbang, risau, takut dan cemas akan sesuatu perkara. Selain itu, mereka juga akan kehilangan kekuatan dan ketahanan otot. Malahan, sistem imun mereka tidak berfungsi dengan baiknya. Oleh sebab itu, aktiviti riadah menawarkan sumber yang murah untuk peningkatan aktiviti fizikal.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Nak Sihat Tapi Jangan Mencemar’  
 oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman  
*harianmetro.com.my*

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *mencapai impak*.  
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah kesan buruk yang akan timbul jika masyarakat kurang kesedaran tentang gaya hidup sihat?  
[3 markah]
- (iii) Generasi muda kini kurang gemar mengamalkan aktiviti yang sihat dan mengeluarkan peluh. Mereka menganggap bahawa aktiviti seperti ini membuang masa dan mereka lebih suka menghabiskan masa dengan media sosial.  
Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh ibu bapa bagi memastikan anak-anak mengamalkan gaya hidup sihat?  
[4 markah]
- (iv) Rakan anda sentiasa kelihatan sedih, letih dan tidak bermaya di dalam kelas. Dia sering menyendiri dan kurang bergaul sesama rakan. Tanda-tanda ini menunjukkan rakan anda mengalami kemurungan.  
Sebagai rakan yang prihatin, nyatakan tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan untuk membantu rakan anda tersebut.  
[4 markah]

7

*Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

“Alhamdulillah ... berkat pimpinan Datuk Onn, perhimpunan pemimpin kita yang diadakan di Johor pada 4 Mei yang lalu telah berjaya menubuhkan PEKEMBAR. Inggeris sudah membatalkan Malayan Union.”

Kami melihat nyala semangat dalam dua bola matanya. Suaranya bersahaja, tetapi setiap patah perkataan yang disebutnya cukup untuk menyemarakkan hati sanubari kami.

“Apa-apa pun,” sambung Ahmad Mutawakkil, “jangan lupa tentang matlamat utama kita – Tanah Melayu mesti merdeka!”

Usia Ahmad Mutawakkil pada waktu itu, baru 17 tahun. Meskipun masih terlalu muda remaja, setiap kata dan tindak-tanduk Ahmad Mutawakkil sangat berpengaruh. Selain dihormati di kampungnya sendiri, dia juga disegani di seluruh daerah. Tatkala sayap parti dikembangkan ke daerah kami, dia terpilih sebagai antara orang kuatnya.

Sekalipun secara terbuka Ahmad Mutawakkil berjuang menentang Inggeris, dia tetap akrab dan mesra dengan keluarga Tuan Booth yang kembali ke estet sebaik-baik saja Jepun *menyerah kalah*.

“Saya suka pemuda yang berani,” kata Tuan Booth. “Sekarang,” kata Orang Putih itu lagi, “di mana-mana, orang Melayu sudah lawan Inggeris, dan Ahmad Mutawakkil nasionalis Melayu paling muda.”

Dipetik daripada cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawakkil’  
oleh Zainal Rashid Ahmad  
dalam antologi *Sejada Rindu*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

**Bahan 2****Pahlawan Kemerdekaan**

Pahlawan!  
jika hilangmu tanpa pusara  
jika pusaramu tanpa nama  
jika namamu tanpa bunga  
penjajah mengatakan kau derhaka  
maka kaulah pahlawan sebenarnya.

Gema seabad silam  
Inggeris datang meredah Pahang  
bersama peluru bersama senapang  
membunuh menangkap setiap pejuang.

Sungai Semantan berubah merah  
bukan sarap hilir ke kuala  
bukan rakit mudik ke hulu  
arus merahnya menjulang mayat  
pahlawan bangsa pahlawan rakyat  
tujuh liang dadanya tersayat.

Pahlawan!  
untukmu derita untukmu penjara  
bukan bintang tersemat di dada  
semangatmu api negara berdaulat  
namamu terukir di jantung rakyat.

Sumber: Usman Awang, 1987  
Puisi-puisi Pilihan  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan ciri-ciri kepimpinan Ahmad Mutawakkil. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan pengorbanan pahlawan kepada negara kita. [3 markah]
- (iii) Pahlawan negara kita telah banyak berkorban masa dan tenaga untuk menjaga dan mempertahankan negara.  
Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil bagi menghargai jasa pahlawan di negara ini? [3 markah]
- (iv) Baru-baru ini, sekolah anda akan menganjurkan sambutan hari kebangsaan. Pelbagai aktiviti disediakan oleh pihak sekolah untuk menggalakkan murid-murid menyertai sambutan itu seperti pertandingan melukis poster, mendeklamasi sajak dan menghias kelas. Walau bagaimanapun, anda mendapati bahawa rakan-rakan anda kurang berminat untuk menyertai aktiviti-aktiviti tersebut.  
Sebagai ketua kelas, apakah tindakan-tindakan yang harus dilakukan untuk mengatasi masalah ini? [4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Hai, awak!” sapanya dengan mesra.

“Geetha,” balasku seraya berjabat tangan hairan dengan keajaiban pertemuan kami.

Kami bercerita setelah nenek dibawa pergi oleh wanita itu, iaitu ibu Geetha yang kemudiannya aku panggil sebagai makcik. Geetha memberitahuku bahawa ibunya telah lama menjadi pelanggan setia kepada minuman herba hasil buatan tangan datuk.

“Ibu saya lebih percaya akan herba dan kaedah rawatan tradisional berbanding rawatan moden. Sebagai anak, saya menghormati keputusannya. Lagipun, datuk awak memang pakar merawat penyakit ibu saya. Dulu, sebelum berjumpa dengan datuk awak, ibu saya bertukar-tukar ubat, akibatnya dia semakin sakit. Tapi semenjak berjumpa dengan datuk awak, dia lebih konsisten dalam pengambilan herba. Awak jangan tengok saiz tubuh dia, dia seorang yang hampir sihat.”

Dipetik daripada novel *Jendela Menghadap Jalan*  
karya Ruhaini Matdarin  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan alasan-alasan Geetha membawa ibunya mendapatkan kaedah rawatan tradisional.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenant Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraiakan **satu** peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan.

[6 markah]

## BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

- 9** *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

### Bahan 1

Perpaduan amat penting dalam pembangunan sesebuah negara, sama ada negara tersebut merupakan negara maju, membangun mahupun sedang membangun. Hal ini dikatakan demikian kerana kesatuan dan kesepakatan antara rakyat amatlah penting untuk membentuk sebuah negara maju yang aman tanpa konflik yang boleh menyebabkan berlakunya pertumpahan darah dan menghancurkan negara.

Antara kepentingan perpaduan dalam pembentukan sebuah negara yang maju termasuklah meningkatkan ekonomi di sesebuah negara sehingga mampu menarik pelabur asing untuk melabur dan menjalankan aktiviti perdagangan di sesebuah negara. Selain itu, perpaduan mampu meningkatkan imej negara dan dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni. Apabila wujudnya perpaduan, negara tersebut akan dipandang tinggi oleh negara lain atas kestabilan dan keharmonian yang dimiliki.

Di samping itu, kepentingan perpaduan kaum dalam masyarakat juga dapat menarik kedatangan pelancong asing. Satu daripada sumber ekonomi negara adalah melalui sektor pelancongan yang dapat menjana ekonomi di sesebuah negara. Pada masa yang sama, perpaduan juga mampu menjamin keselamatan negara. Apabila rakyat sentiasa bersatu padu, unsur atau pengaruh luar tidak dapat menjajah pemikiran rakyat. Perpaduan mampu menyatukan pemikiran dan hati masyarakat dalam sesebuah negara.

Perpaduan yang jitu dapat direalisasikan dengan pemilihan pemimpin yang berwibawa. Seterusnya, masyarakat juga harus memperkasakan aktiviti sukan dan rekreasi dalam komuniti. Tambahan pula, kerajaan perlu membendung diskriminasi antara kaum dalam peluang pendidikan, pekerjaan dan ekonomi.

Tuntasnya, perpaduan menjadi elemen penting dalam usaha membentuk sebuah negara maju. Setiap negara perlu berusaha memastikan perpaduan diwujudkan dalam masyarakat agar negara diiktiraf sebagai sebuah negara maju dan memiliki rakyat minda kelas pertama. Oleh sebab itu, semua pihak perlu cakna untuk memastikan perpaduan dapat dikekalkan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Kepentingan Perpaduan dalam Membentuk Sebuah Negara Maju’  
 oleh Siti Nurul Aisyah Mohd Zahari  
*Dewan Masyarakat, 3 Feb 2023*

**Bahan 2****PERPADUAN DI MALAYSIA**

Menganjurkan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong dan majlis rumah terbuka.

Menayangkan filem, drama dan dokumentari berunsurkan perpaduan.

**Bahan 3****MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN**

Rakyat Malaysia seharusnya menghindari sebarang tindakan yang boleh mencetuskan provokasi kaum.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**